Seminar Internet dan Pengeksport, Kuala Lumpur, 14 Julai 2011
Seminar on Internet and Exporters, Kuala Lumpur, July 14 2011

Lebih 2,600 Syarikat Memanfaat Program Pembangunan Eksport MATRADE

More Than 2,600 Companies Benefited From MATRADE's Exporters Development Programme



Penceramah dari Nando's Chickenland Malaysia Sdn Bhd di Seminar "Meneroka Pasaran Global: Menjalankan Perniagaan di Afrika Selatan"
Speaker from Nando's Chickenland Malaysia Sdn Bhd at the seminar "Exploring Global Markets: Doing Business in South Africa"



Panel penceramah dan VIP sempena Seminar Perniagaan Malaysia/Korea
Panel of Speakers and VIPs at Malaysia/Korea Business Forum

Pembangunan & Pemudahan Pengeksport

Sebanyak 4,002 peserta daripada 2,681 syarikat telah memperolehi manfaat daripada program latihan anjuran MATRADE seperti seminar, taklimat dan bengkel untuk meningkatkan kesedaran tentang peluang eksport dan kemahiran pemasaran di kalangan komuniti perniagaan Malaysia. Skop dan topik program merangkumi peningkatan kemahiran, penyelidikan pasaran, pasaran khusus, industri khusus serta piawaian dan peraturan.

Di samping itu, MATRADE turut bekerjasama dengan organisasi luar untuk menganjurkan program peningkatan kemahiran eksport. Antara program yang dijalankan adalah seminar "Exploring Global Markets: Doing Business in South Africa" dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Afrika Selatan dan seminar "Exploring Global Markets: Business Opportunities in Algeria" dengan kerjasama HSBC dan Majlis Perniagaan Malaysia-Algeria (MABC).

Exporters Development & Facilitation

In 2011, a total of 4,002 participants from 2,681 companies benefited from training programmes organised by MATRADE aimed at increasing awareness on export opportunities and enhancing export marketing skills of the Malaysian business community. The programmes were conducted through seminars, briefings and workshops with scopes covering skills enhancement, market research, market specific, industry specific, as well as standards and regulations.

In addition, MATRADE also collaborated with other organisations to upgrade the skills of Malaysian exporters and businesses. Among the programmes conducted were a seminar on "Exploring Global Markets: Doing Business in South Africa" in collaboration with High Commission of South Africa and a seminar on "Exploring Global Markets: Business Opportunities in Algeria" held in collaboration with HSBC and Malaysia-Algeria Business Council (MABC).



Program MATRADE bersama Usahawan & Pengeksport di Kuala Terengganu / MATRADE's Program with Entrepreneurs & Exporters, Kuala Terengganu

Bertemu Pelanggan Di Seluruh Negera

Meeting Clients Nationwide

Program Outreach MATRADE

MATRADE dengan kerjasama MITI, kerajaan negeri, persatuan perdagangan dan dewan perniagaan telah berjaya menganjurkan tujuh Program MATRADE Bersama Usahawan & Pengeksport di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Tawau, Kuala Terengganu, Johor Bharu dan Kuching yang disertai 1,684 peserta.

Program ini bertujuan untuk memaklumkan komuniti perniagaan Malaysia tentang inisiatif baharu, kemudahan, garis panduan dan aktiviti promosi yang dirancang. Program ini juga bertindak sebagai saluran kepada komuniti perniagaan untuk memberi maklum balas dan input kepada MITI dan MATRADE mengenai isu berkaitan eksport dan langkah-langkah menjadikan Malaysia sebagai pengeksport terkemuka di dunia.

Di samping itu MATRADE turut menyediakan kaunter penerangan sempena 32 pameran perdagangan dalam negeri dan sebanyak 5,854 pertanyaan perdagangan telah diterima semasa program berlangsung. MATRADE juga turut menganjurkan "Program Kenali MATRADE" di Seremban, Shah Alam, Ayer Keroh, Kuantan dan Kota Bharu.

MATRADE Outreach Programme

In 2011, MATRADE in collaboration with Ministry of International Trade and Industry, local state governments, trade associations and chambers of commerce successfully organised seven events entitled MATRADE's Programme with Entrepreneurs & Exporters. The cities covered included Kuala Lumpur, Ipoh, Penang, Tawau, Kuala Terengganu, Johor Bharu and Kuching which saw a total of 1,684 participants.

The programme serves to inform the Malaysian business community on new initiatives, facilities, guidelines and promotion activities planned for the year. This activity also acted as a channel for the business community and industry players to provide feedback and inputs to the Ministry and MATRADE on export related issues and discussed ways on how to enhance exporting community.

In addition, MATRADE also set up information booths at 32 domestic exhibitions and a total of 5,854 inquiries were received during these programmes. MATRADE also organised "Program Kenali MATRADE" in Seremban, Shah Alam, Ayer Keroh, Kuantan and Kota Bharu.

Bantuan Untuk EKS Menerokai Pasaran Eksport

Assistance To SMEs For Venturing into Export Market



Proses pengilangan syarikat dibawah BEDP / Manufacturing process at a company under BEDP


Inisiatif Untuk EKS

MATRADE meneruskan bantuan kewangan melalui Geran Pembangunan Pasaran bagi membantu EKS, yang merupakan 70 peratus daripada syarikat yang berdaftar dengan MATRADE, untuk meneroka dan mengembangkan perniagaan eksport. Carta berikut menunjukkan pembahagian geran yang dikeluarkan kepada EKS pada tahun 2011 mengikut sektor.

Initiatives For SMEs

The high cost of participation in export promotion activities could be a hindrance to SMEs aspiring to venture abroad. To assist SMEs, who constitute almost 70 per cent of companies registered with MATRADE, explore and expand their export businesses, the Market Development Grant, a financial assistance scheme for SMEs in the form of reimbursable matching grants was provided. The following chart shows the breakdown of grants disbursed to SMEs in 2011 by sectors.

Geran Pembangunan Pasaran Yang Dikeluarkan Pada Tahun 2011 Mengikut Sektor Market Development Grant Disbursed in 2011 by Sectors



Bagi membantu Pengeksport Bumiputera dan Wanita, MATRADE menjayakan dua program iaitu Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) dan Program Pembangunan Pengeksport Wanita (WEDP). Bantuan diberikan selama tiga tahun kepada syarikat-syarikat terpilih yang memenuhi kriteria, untuk meningkat dan mengembangkan pengetahuan mereka dalam bidang pengeksportan melalui latihan dan aktiviti promosi perdagangan. Pada tahun 2011, sebanyak 29 syarikat menyertai program tersebut.

To assist Bumiputera and Women Entrepreneur Exporters, MATRADE continued the Bumiputera Exporters Development Programme (BEDP) and Women Exporters Development Programme (WEDP). Assistance is given for three years to companies that meet the selection criteria, to enhance and expand their knowledge in the field of exporting through training and trade promotion activities. In 2011, a total of 29 companies participated in the program.



Perkhidmatan makmal oleh syarikat dibawah BEDP / Laboratory service by a company under BEDP

Peserta Program BEDP 2011

Participant of BEDP 2011

Kisah Kejayaan Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera
Success Story of Bumiputera Exporters Development Programme

FIKRYSZ

FIKRYSZ merupakan salah satu daripada peserta baharu Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera yang dikendalikan oleh MATRADE. Usahawan ini terlibat dalam pengeluaran 27 jenis kopi, teh dan minuman herba yang dipromosikan sebagai minuman penjagaan kesihatan.

Melalui penyertaan di pameran *15th America Food and Beverage Exhibition (AFB 2011)* di Miami, FIKRYSZ menerima pelbagai pertanyaan perdagangan dan permintaan untuk menjadi pengedar di Trinidad dan Tobago, Guyana, Republik Dominica, Jamaica, Haiti dan Barbados. Apabila berakhirnya AFB 2011, MATRADE telah mengatur pertemuan perniagaan antara syarikat tersebut dengan dua pengedar makanan dan minuman ternama berpangkalan di Miami, yang mempunyai rangkaian perniagaan meluas di rantau Caribbean. Rundingan tersebut telah menjana jualan sebanyak USD1.25 juta.

FIKRYSZ

FIKRYSZ is one of the new participants of the Bumiputera Exporters Development Programme, managed by MATRADE. The entrepreneur is involved in the manufacture of 27 different types of coffee, tea and herbal related drinks which are promoted as functional drinks with focus on healthcare.

Through its participation at the 15th America Food and Beverage Exhibition held in Miami, FIKRYSZ received numerous trade enquiries and interest for representation as distributors from Trinidad and Tobago, Guyana, Dominican Republic, Jamaica, Haiti and Barbados. Upon the completion of AFB 2011, MATRADE arranged business meetings for the company with two established distributors of food and beverage based in Miami who have a good network in the Caribbean region. The negotiations generated sales of USD1.25 million.



Seacera Ceramic (M) Sdn. Bhd.

Seacera Ceramic adalah syarikat pemasaran kepada Kumpulan Seacera, salah satu daripada syarikat perintis industri seramik di Malaysia. Kumpulan Seacera telah membina reputasi dalam menghasilkan jubin yang mencapai piawai antarabangsa, setanding dengan pengeluar terkemuka Eropah.

Di bawah Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP) selama 3 tahun Seacera Ceramic (M) Sdn Bhd telah menyertai pelbagai aktiviti promosi eksport anjuran MATRADE termasuk *Saudi Build 2008 di Jeddah*, *Big 5 Show 2008* di Istanbul, *Worldbex 2009* di Manila, *Design Build 2010* di Sydney dan Lawatan Perniagaan ke Foshan, China dan Rimini di Itali.

Sejak menyertai program ini, jualan eksport syarikat telah meningkat dari RM3 juta kepada RM7 juta bagi tahun kewangan berakhir 2010. Antara pasaran eksport yang berjaya ditembusi oleh syarikat tersebut adalah Singapura, Australia, Sri Lanka, Brunei, Hong Kong dan Emiriyah Arab Bersatu.

Seacera Ceramic (M) Sdn. Bhd.

Seacera Ceramic is a marketing arm of Seacera Group, one of the pioneer companies in the Malaysian ceramic industry. Using European technology and machinery, Seacera Group has built up a reputation of producing tiles of international standards, comparable to leading European manufacturers.

Under the three years Bumiputera Exporters Development Programme, Seacera Ceramic (M) Sdn Bhd participated in various export promotion activities including *Saudi Build 2008* in Jeddah, *Big 5 Show 2008* in Istanbul, *Worldbex 2009*, *Design Build 2010* in Sydney and individual Business Mission to Foshan, China and Rimini in Italy.

Since its acceptance into the Programme, the company's export sales has increased from RM3 million to RM7 million for financial year ending 2010. Among export markets that the company managed to penetrate are Singapore, Australia, Sri Lanka, Brunei, Hong Kong and United Arab Emirates.



Pusat Informasi Perniagaan MATRADE Dimanfaatkan Oleh Lebih 2,700 Pengguna

MATRADE Business Information Centre Utilised By Over 2,700 Users

Pusat Informasi Perniagaan MATRADE (BIC)

Pusat Informasi Perniagaan MATRADE kini merupakan salah satu daripada pusat informasi perniagaan yang paling komprehensif di negara ini dan menjadi sumber utama pelbagai maklumat kepada komuniti perniagaan.

BIC sentiasa dilengkapi dengan maklumat terkini statistik perdagangan, laporan pasaran, profil negara, petunjuk perdagangan, tarif, peraturan dan undang-undang serta berita niaga. Pada tahun 2011, BIC telah menerima 1,759 pertanyaan dan dikunjungi 2,717 pengguna. Pusat ini juga memperolehi 1,189 buah buku, 457 direktori, 1,062 penerbitan berkala dan 116 CD-ROMs/DVDs/VCDs. Pusat ini turut dilengkapi dengan 23 pangkalan data termasuk langganan terbaru iaitu MEED Projects/MEED.com yang menyediakan maklumat komprehensif dan terkini mengenai projek yang sedang dan akan dilaksanakan di Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Qatar, Kuwait, Oman, Bahrain dan Yemen. Pangkalan data ini membantu pengguna untuk mengenal pasti prospek perniagaan, menganalisis trend pasaran dan status projek yang sedang dijalankan di negara-negara tersebut.


MATRADE Business Information Centre (BIC)

MATRADE Business Information Centre is one of the most comprehensive business libraries in the country. It is a major source of information for the business community, offering a wealth of information.


Information in the library is constantly updated with the latest trade statistics, market reports, country profiles, trade leads, tariffs, rules and regulations and business news. In 2011, BIC received 1,759 enquiries and was utilised by 2,717 users. The library also acquired 1,189 books, 457 directories, 1,062 periodicals and 116 electronic sources (CD-ROMs/DVDs/VCDs). BIC is equipped with 23 databases, which included the newly subscribed MEED Projects/MEED.com. It provides comprehensive, up-to-date, upcoming and on-going projects across United Arab Emirates, Saudi Arabia, Qatar, Kuwait, Oman, Bahrain and Yemen. This database helps users to identify business prospects, analyse market trends and determine the status of current, pending and new projects across those countries.



Pertanyaan Perdagangan Mengikut Subjek Reference Enquiries by Subjects



Pertanyaan Perdagangan Mengikut Produk Reference Enquiries by Products



Pengkalan Data Yang Terdapat di BIC MATRADE Online Databases Available In BIC MATRADE

In-House Databases	Subscribed Databases	ITC Market Tools
Malaysian Exporters	World/Global Trade Atlas Online	Trade Map
Foreign Importers	nexis.com	Product Map
Trade Statistics System (Internal Users Only)	Passport GMID	Investment Map
Trade Fairs	eiu.com	Market Access Map
Trade Missions	The Public Ledger	
Incoming Buying Missions	PalmOilis	
Other Promotion Events	Basisnet	
Malaysia Convention and Exhibition	Kompass Extranet	
Export Training Programmes	MEED Projects/MEED.com	
	The Tariff Finder Premium	

Sumber Rujukan Bernilai Kepada Peniaga Malaysia dan Luar Negara

Valuable Source of Reference for Malaysian & Foreign Traders

Penerbitan Bercetak MATRADE

Penerbitan MATRADE termasuk direktori perdagangan, buku panduan pengeksport, majalah, risalah dan petunjuk perdagangan diedarkan secara meluas kepada komuniti peniaga Malaysia dan luar negara, termasuk juga dewan perniagaan, persatuan perdagangan dan industri, majlis perniagaan serta pertubuhan kerjasama perdagangan.

MATRADE telah menerbitkan lima direktori untuk mempromosi pengeksport Malaysia:

- Malaysia Exporters of Electrical & Electronics Directory 2011-2013
- Malaysia Exporters of ICT Malaysia 2011-2012 (kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC) dan Persatuan ICT Kebangsaan Malaysia (PIKOM))
- Malaysia Exporters of Oleo Chemical Directory 2011-2013
- Malaysia Exporters of Automotive Components, Parts and Accessories Directory 2011-2013
- Directory of Buyers-Sellers INTRADE Malaysia 2011

MATRADE Print Publications

MATRADE's publications which include trade directories, exporters' guidebooks, magazines, brochures and trade leads are widely distributed to Malaysian and foreign business communities including chambers of commerce, trade and industry associations, business councils or joint trade associations.

In 2011, MATRADE published five directories to promote Malaysian companies which are currently exporting or are export ready in the industry.

- Malaysia Exporters of Electrical & Electronics Directory 2011-2013
- Malaysia Exporters of ICT Directory 2011-2012 (joint collaboration with Multimedia Development Corporation (MDEC) and the National ICT Association of Malaysia (PIKOM))
- Malaysia Exporters of Oleo Chemicals Directory 2011-2013
- Malaysia Exporters of Automotive Components, Parts and Accessories Directory 2011-2013
- Directory of Buyers-Sellers INTRADE Malaysia 2011



MATRADE juga menerbitkan dua majalah iaitu *Trade Mart* dan *What's New from Malaysia*. *Trade Mart* ialah sebuah majalah dwi-bulanan yang memaparkan berita perdagangan, panduan pengeksport, peluang pasaran, maklumat terkini perniagaan dan program anjuran MATRADE. Setiap isu *Trade Mart* membawa tema yang berbeza. Manakala, majalah *What's New from Malaysia*, adalah penerbitan yang memaparkan produk dan perkhidmatan dari Malaysia yang terbaharu, unik atau inovatif untuk pasaran antarabangsa yang diterbitkan dua kali setahun.

Majalah *What's New from Malaysia* juga terdapat dalam format buletin di www.whatsnew.my

Upcoming Events diterbitkan sebagai saluran maklumat aktiviti promosi terkini kepada pengeksport Malaysia dan komuniti perniagaan. Ia merupakan risalah berbentuk kalendar suku tahunan yang memaparkan pameran perdagangan antarabangsa, kaunter promosi, misi perdagangan dan pelaburan, misi pemasaran khusus serta aktiviti promosi bersama anjuran MATRADE. *International Trade Fairs in Malaysia*, adalah kalendar tahunan yang komprehensif mengenai maklumat terkini pameran perdagangan utama di negara ini.

MATRADE also published two magazines, *Trade Mart* and *What's New from Malaysia*. *Trade Mart* is a bi-monthly magazine featuring trade news, user guide for exporters, market opportunity, business information and programs organised by MATRADE. Each issue of *Trade Mart* brings a different theme. Meanwhile, the magazine *What's New from Malaysia*, is a publication that displays latest products and services from Malaysia, unique or innovative to the international market, published twice a year.

The magazine *What's New from Malaysia* is also available online via www.whatsnew.my

Upcoming Events publishes information on the latest promotional activities for Malaysian exporters and the business community. It is a form of leaflet featuring a quarterly calendar of international trade fairs, promotional counters, and trade investment missions, specialised marketing missions and joint promotional activities organised by MATRADE. *International Trade Fairs in Malaysia* is a comprehensive annual calendar of updates on main trade fairs in the country.

Penyebaran Pantas Peluang Perdagangan

Swift Dissemination of Trade Leads

Penerbitan Elektronik

Trade Leads adalah kompilasi mingguan pertanyaan perdagangan dari luar negara yang ingin mendapatkan produk dan perkhidmatan Malaysia. Terbitan ini disalurkan kepada semua syarikat yang berdaftar dengan MATRADE melalui e-mel dan juga portal myExport. Pada tahun 2011 sebanyak 52 isu *Trade Leads* telah diterbitkan.

Electronic Publication

Trade Leads is a weekly compilation of import enquiries from overseas buyers looking for Malaysian products and services. This issue is extended to all companies registered with MATRADE via e-mail and portal myExport. In 2011 a total of 52 issues of Trade Leads were published.



Mengeksplotasi Faedah FTA

Exploiting Benefits of FTA



Kaunter Informasi FTA di INTRADE 2011 / FTA Information Counter at INTRADE 2011

Tumpuan Rujukan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) MATRADE

Menyedari kepentingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) sebagai satu kaedah untuk mengukuhkan kedudukan pasaran Malaysia di luar negara, MATRADE meneruskan usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran komuniti perniagaan Malaysia, terutamanya EKS, tentang faedah FTA.

Tumpuan Rujukan FTA yang diuruskan oleh Unit Pengurusan Perhubungan Pelanggan telah menganjurkan beberapa program untuk mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai FTA. Ini termasuk penyebaran maklumat mengenai produk yang berkelayakan, keutamaan kadar tarif dan prosedur untuk memohon Sijil Asal. MATRADE juga mengumpulkan maklum balas daripada komuniti perniagaan mengenai pelaksanaan FTA oleh Malaysia dan menyalurkan maklumat ini kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk penilaian.

Kaunter bantuan khas juga telah ditubuhkan bagi menyediakan khidmat nasihat kepada komuniti perniagaan tempatan dan asing mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas. Di samping itu, Portal MATRADE, www.matrade.gov.my turut memaparkan maklumat mengenai FTA.

MATRADE FTA Focal Point

Recognising the importance of Free Trade Agreements (FTA) as a tool for increasing Malaysia's market presence overseas, MATRADE continued its effort to increase the awareness of the Malaysian business community, in particular the SMEs, on the benefits of FTAs.

In 2011, the FTA Focal Point incorporated several programmes to promote and disseminate information on FTAs. These included the dissemination of information on eligible products, preferential tariff rates and the procedure for applying for the Certificate of Origin. MATRADE also gathered feedback from the business community on the FTAs and channelled them back to the Ministry of International Trade and Industry for assessment.

A special helpdesk was also set-up at MATRADE to provide advisory services to both local and foreign business communities on Free Trade Agreements. In addition, MATRADE's Portal, www.matrade.gov.my maintains a section on FTA.

MEEC, Dimana Eksport Malaysia Dipergayakan

MEEC, Where Malaysian Exports Are Brought To Life



Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC)

MEEC, yang terletak di tingkat dua Menara MATRADE telah diubahsuai selaras dengan keperluan semasa. Pusat pameran tetap berkeluasan 4,500 meter persegi ini mampu menampung 505 syarikat yang merangkumi 30 kluster industri. Direka khas untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia yang ingin meneroka pasaran antarabangsa, MEEC mempamerkan produk Teknologi Hijau, E&E, Kimia, Automotif, Getah, Plastik, Farmaseutikal dan produk berasaskan kayu. Sektor perkhidmatan yang berkembang pesat turut dipamerkan termasuk Minyak dan Gas, Pembinaan, Perkhidmatan Perniagaan, Penjagaan Kesihatan dan Pendidikan.

Malaysia Export Exhibition Centre (MEEC)

The MEEC, located on the second floor of Menara MATRADE was refurbished in 2011. The permanent exhibition centre of 4,500 sq. meter is now capable of accommodating 505 companies covering 30 industry clusters. Exclusively designed to display products and services of Malaysian companies who wish to venture abroad, the Centre showcased products on Green Technology, E&E, Chemical, Automotive, Rubber, Plastic, Pharmaceutical and Timber/Wood based product. The rapidly growing services sector is also represented via industries including Oil & Gas, Construction, Business Services, Healthcare and Education.



Para pengunjung ke Pusat ini bukan sahaja boleh mendapatkan maklumat mengenai syarikat yang mempamerkan produk dan perkhidmatan, tetapi juga boleh memohon bantuan daripada pegawai MATRADE untuk mengatur pertemuan perniagaan dengan pengeksport Malaysia. MEEC menerima 2,181 pengunjung dan 2,949 pertanyaan perdagangan dalam tempoh empat bulan beroperasi sejak pengubahsuaian.

Visitors to the Centre can avail themselves to information on exhibiting companies and can also seek the assistance of MATRADE officers to facilitate business meetings with Malaysian exporters. In the year under review, the MEEC received a total of 2,181 visitors after four months of operations and 2,949 trade enquiries.



Inovasi- Kaedah Maju Kehadapan Innovation-The Way Forward

Inovasi-Kaedah Maju Kehadapan

Selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020, keperluan untuk membangunkan perusahaan yang berorientasikan inovasi adalah ketara.

Hasilnya, banyak syarikat Malaysia telah meningkatkan usaha di bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) produk dan perkhidmatan untuk menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran domestik dan global serta menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih berinovatif.

Sumbangan MATRADE ke arah meningkatkan ekonomi negara adalah dengan mempromosi dan memberi publisiti kepada produk dan perkhidmatan berinovasi ini di pasaran antarabangsa.

Innovation-The Way Forward

In line with the government's aspiration to make Malaysia a developed nation by 2020, the need to develop innovation-oriented enterprises is important

As a result, many Malaysian companies have stepped up efforts in Research and Development (R&D) of products and services to become more competitive in the domestic and global markets through innovation.

MATRADE's contribution towards raising the country's economy is to promote and publish these innovations to the international market.



Mewujudkan bahagian khas mengenai Inovasi Malaysia di laman web MATRADE

Laman web ini menyediakan maklumat produk dan perkhidmatan berinovasi yang telah dikomersilkan, Kementerian dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam R&D dan pengkomersilan ciptaan Malaysia.

Special section on Innovation in Malaysia through MATRADE's website

The web page provides viewers with a list of innovations and information on Ministries and Government Agencies that are involved in R&D and commercialisation of Malaysian inventions.

Sudut Inovasi di MEEC

Antara produk yang dipamerkan termasuk makanan sejuk beku halal yang sedia dimakan, sistem pemanas air hibrid, cantuman butiran tulang sintetik, penampal dan pelekat berasaskan minyak sawit dan perkhidmatan R&D genomik tumbuhan, propagasi mikro dan pembiakan menggunakan bioteknologi dan proses neocular berteknologi tinggi.

Innovation Section in MEEC

Amongst products on display at the MEEC are microwavable halal frozen ready to eat meals, hybrid hot water systems, granular synthetic bone grafts, palm oil based sealants and adhesive and innovative R&D services of plant genomics, micro propagation and breeding through adoption of biotechnology and high tech neocular processes.

Kluster Inovasi di INTRADE 2011

12 syarikat Malaysia telah menyertai kluster Inovasi di pameran INTRADE 2011. Antara produk-produk yang dipromosikan adalah pelekat ROSKI Green 100 untuk rumput tiruan, asphaltic melt pads untuk industri automotif, Tisu tulang sintetik GranuMas dan ROV solution untuk industri minyak dan gas.

Innovation Cluster at INTRADE 2011

Twelve Malaysian companies made their presence under the Innovation cluster at INTRADE 2011. Among products promoted were ROSKI Green 100 adhesive for artificial grass, asphaltic melt pads for automotive industry, Granumas synthetic bone graft and ROV solution for the oil and gas industries.

Penerbitan MATRADE, "What's New From Malaysia"

Majalah "What's New From Malaysia" diterbitkan dua kali setahun oleh MATRADE memaparkan produk dan perkhidmatan baharu dan berinovatif dari Malaysia. Penerbitan yang diedarkan ke seluruh dunia melalui pejabat perdagangan serta dewan perniagaan asing adalah platform terbaik untuk komuniti antarabangsa, khususnya pedagang bagi memperolehi maklumat terkini mengenai pelbagai produk dan perkhidmatan terbaharu yang dikeluarkan oleh syarikat Malaysia.

MATRADE's publication, "What's New From Malaysia"

Published twice a year the MATRADE publication features new and innovative products and services from Malaysia. The publication which is distributed worldwide through Trade Offices and foreign chamber of commerce is a good source of information for the international community, especially traders to get regular updates on the latest range of products and services made available by Malaysian companies for international consumption.

Artikel yang dimuatkan dalam terbitan ini merangkumi pelbagai industri seperti E&E, aeroangkasa, seni bina, automotif, bioteknologi, penjagaan kesihatan, reka bentuk, teknologi hijau, gayahidup dan sebagainya.

Articles on products and services in the publication covers a wide section which includes electrical & electronics, aerospace, architecture, automotive, biotechnology, healthcare, designs, green technology, lifestyle, etc.





Mengukuh Penyampaian Perkhidmatan
Enhancing Services Delivery





Mengukuh Penyampaian Perkhidmatan

Enhancing Services Delivery

Persekitaran perniagaan semasa dalam ekonomi yang sentiasa berubah memerlukan komuniti perniagaan Malaysia, serta pegawai MATRADE untuk sentiasa mengikuti perkembangan teknologi terkini, trend dan keperluan semasa. Bagi memenuhi keperluan ini, MATRADE telah melaksanakan penstrukturan semula organisasi serta mempelbagaikan program dan inisiatif.

The current business environment in an economy of continuous change requires the Malaysian business community as well as MATRADE's staff to constantly update themselves on the latest technologies, trends and requirements. MATRADE's initiatives included a restructuring exercise and introducing various programmes and initiatives.



Pengstruktur Semula Untuk Perkhidmatan Lebih Baik

Restructuring to Serve Better

Pada tahun 2011, MATRADE menstruktur semula organisasinya dengan mengintegrasikan bahagian produk dan pasaran bagi memenuhi keperluan pengeksport Malaysia secara lebih holistik. Penstruktur semula ini mengambil kira perkembangan semasa perdagangan global dan teras strategik yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian, Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10.

Struktur baharu ini membolehkan MATRADE menjadi lebih fokus kepada keperluan pengeksport dalam menghadapi persaingan sengit pasaran dan menyediakan bantuan mengikut keperluan. Ia turut mempertingkatkan pengetahuan pegawai MATRADE tentang industri dan pasaran untuk menyediakan maklumat yang berkualiti kepada pengeksport.

In 2011, MATRADE restructured its organisation, integrating product and market to address the needs of Malaysian exporters in a more holistic manner. The restructuring took into account current developments in global trade and the strategic thrust outlined in the government's New Economic Model and the 10th Malaysia Plan.

The new structure allows MATRADE to be more focused on the needs of the exporters in coping with keen competition in the market place and to assist them by providing customised assistance. It also enhanced the knowledge of MATRADE's officers on the industries and markets to enable them to provide quality information to exporters.



Memperluaskan Rangkaian Global

Widening the Global Network

MATRADE menambah rangkaian globalnya di Istanbul, Turki pada tahun 2011. Turki, yang mempunyai penduduk melebihi 70 juta dengan lokasi yang strategik di antara Eropah Tengah dan Barat dan mempunyai akses ke negara Mediterranean, telah dipilih sebagai batu loncatan kepada produk dan perkhidmatan Malaysia bagi menembusi pasaran rantau ini.

Sebagai anggota Kesatuan Eropah (EU), Turki mengguna pakai sistem kod kastam yang sama seperti EU dan ini membantu memudahkan kemasukan produk Malaysia ke EU. Hubungan rapatnya dengan Eropah Tengah, Balkan dan Mediterranean memberi peluang kepada pengeksport Malaysia untuk mengembangkan perniagaan mereka ke rantau ini melalui kerjasama dengan komuniti perniagaan Turki.

MATRADE added its latest global network of offices, Istanbul, Turkey, in 2011. Turkey with a population of over 70 million and a strategic geographical location being the crossroads between Western and Central Europe as well as linkage to the Mediterranean, was chosen to be the springboard for Malaysian products and services to access the region.


Turkey, being a member of the European Union, adopts similar customs coding system as the EU and this assist in facilitating entry of Malaysian products to the EU. Its close linkage to Central Europe, the Balkans as well as the Mediterranean allows Malaysian exporters opportunities to expand their business to the region through collaborations with the Turkish business community.

Mengukuh Inisiatif ICT Untuk Menjadi Organisasi Mesra Pelanggan

Enhancing ICT Initiatives For A Client Centric Organisation

Dalam usaha untuk menjadi organisasi mesra pelanggan serta menjana nilai, MATRADE sentiasa mengikuti perkembangan terkini trend teknologi dan keperluan pelanggan. MATRADE terus membangunkan infrastruktur IT dan perkhidmatan atas talian untuk meningkatkan kecekapan organisasi serta penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

In its quest to be a client-centric and value creating organisation, MATRADE keeps abreast with the technological trends and the needs of its clients. In this respect, to improve its organisational efficiency as well as its service delivery to clientele, MATRADE continues to develop and enhance both its IT infrastructure and online services.



Portal MATRADE

Sebagai platform penyampaian utama atas talian, portal MATRADE terus menerima peningkatan pengunjung. E-Direktori Malaysia di dalam portal ini yang menampilkan profil dan imej produk pengeksport Malaysia, telah berjaya menarik lebih daripada 60,000 pengunjung tempatan dan antarabangsa. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada komuniti perniagaan antarabangsa, beberapa maklumat terpilih daripada portal ini juga boleh didapati dalam bahasa Jepun, Arab, Sepanyol dan Mandarin, di samping Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Pada tahun 2011, portal MATRADE juga memperolehi pencapaian taraf 5-Bintang dan tersenarai sebagai 10 portal teratas dalam Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia. Sebanyak 1,155 portal dan laman web telah dinilai berdasarkan lima kriteria iaitu kandungan, kebergunaan, keselamatan, penyertaan dan perkhidmatan.

MyExport

Untuk membolehkan syarikat Malaysia lebih berdaya saing, maklumat mengenai risikan pasaran, petunjuk perdagangan dan notis tender antarabangsa telah disebarkan melalui *MyExport*. Sejak diperkenalkan pada 2008, sebanyak 2,500 pengeksport telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini dengan mengakses 1,600 *market alerts*, 4,800 *trade leads* dan 330 *product market studies*. Untuk meningkatkan perkhidmatannya, kaji selidik tahunan di kalangan pengguna *MyExport* telah dijalankan dan hasil kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 90 peratus responden berpuas hati dengan kandungan dan perkhidmatan *MyExport*.

Membudayakan ICT

Pembudayaan ICT di kalangan komuniti perniagaan Malaysia dan kakitangan MATRADE telah dijalankan untuk meningkatkan pemahaman dan penggunaan perkhidmatan atas talian MATRADE. Pada tahun 2011, seramai 620 kakitangan MATRADE telah mendapat manfaat daripada 40 latihan berkaitan IT yang telah dijalankan. Seminar anjuran MATRADE untuk komuniti perniagaan juga melibatkan topik berkaitan IT.

Persidangan Video

Untuk melengkapkan saluran komunikasi sediaada berasaskan e-mel dan sistem pesanan segera, MATRADE telah melaksanakan projek perintis Sistem Persidangan Video dengan lima pejabat luar negara iaitu Singapura, Beijing, Dubai, Frankfurt dan New York. Kemudahan ini akan diperluaskan ke pejabat lain di luar negara pada tahun 2012.

MATRADE Portal

As the primary online delivery platform, the MATRADE portal continued to receive increase visitors. The Malaysia e-Directory within the portal, which features the profile and product images of Malaysian exporters attracted more than 60,000 visitors, both local and international. To better serve the international business community, selected relevant information from the portal is also available in the Japanese, Arabic, Spanish and Mandarin languages, in addition to English and Bahasa Malaysia.

In 2011, MATRADE's portal also gained recognition in terms of achieving the 5-Star rating and was positioned as top 10 portals in the Malaysia Government Portals and Websites Assessment. A total of 1,155 portals and websites were evaluated based on five pillars namely content, usability, security, participation and services.

MyExport

To enable Malaysian companies to be competitive, information on market intelligence, trade leads and international tender notices have been disseminated through *MyExport*. Since it was first introduced in 2008, a total of 2,500 exporters had benefitted from this service and can have access to more than 1,600 market alerts, 4,800 trade leads and 330 product and market studies. To improve its service, annual survey amongst *MyExport* users was conducted and the survey result showed that more than 90 per cent of respondents were satisfied with the content and service of *MyExport*.

ICT Acculturation


IT acculturation among the Malaysian community and MATRADE personnel was conducted to increase the appreciation and adoption of MATRADE online services. In 2011, 620 MATRADE personnel had benefitted from a total of 40 IT related trainings conducted. IT related topics were also included in MATRADE's seminars to the business community.

Video Conferencing

To complement the existing channel of communication based on email and instant messaging, MATRADE implemented the Video Conferencing System with a pilot implementation at five overseas offices namely Singapore, Beijing, Dubai, Frankfurt and New York and headquarters. This facility will be further extended to the other overseas offices in 2012.

Memperkukuhkan Jalinan Kerjasama Dengan Industri

Institutionalised Collaboration with Industry





Majlis Eksport Perkhidmatan Profesional Kebangsaan (NAPSEC) telah ditubuhkan untuk membantu MATRADE dalam merangka strategi pemasaran yang paling berkesan untuk mempromosi eksport dan meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan.

NAPSEC yang merupakan majlis penasihat kepada MATRADE diwakili oleh ahli-ahli daripada badan perkhidmatan profesional, agensi kerajaan yang berkaitan dan persatuan perkhidmatan seperti Institut Kejuruteraan Malaysia, Pertubuhan Arkitek Malaysia, Institut Akauntan Malaysia, Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Lembaga Jurutera Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi. Kerjasama antara sektor awam dan swasta ini telah berjaya merangka hala tuju promosi eksport sektor perkhidmatan profesional. MATRADE merupakan Urusetia kepada NAPSEC.

National Professional Services Export Council (NAPSEC) was established to assist MATRADE in formulating the most effective marketing strategy to export the services sectors and to enhance its competitiveness.

NAPSEC, an advisory council to MATRADE, is represented by members of the professional services bodies, related government agencies and services associations such as Institute of Engineers, Institute of Architects, Malaysian Institute of Accountants, The National ICT Association of Malaysia (PIKOM), Construction Industry Development Board, Board of Engineers, Bank Negara Malaysia and Economic Planning Unit. This collaboration between the public and private sector charts the direction for professional services export promotion. MATRADE is the Secretariat for NAPSEC.

Meningkatkan Profesionalisme MATRADE

Enhancing MATRADE's Professionalism

Warga MATRADE pada tahun 2011 adalah seramai 632 orang termasuk 121 kakitanganambilan tempatan yang bekerja di 43 pejabatnya di luar negara.

Demi mencapai matlamat menjadikan MATRADE sebagai organisasi promosi perdagangan yang berhibawa serta mesra pelanggan, MATRADE telah mengadakan beberapa siri latihan dan program pembangunan sumber manusia untuk mempertingkatkan lagi taraf profesionalisme kakitangannya.

Program-program ini tertumpu kepada peningkatan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang kepimpinan, pengurusan, kemahiran bahasa, pengurusan kewangan, pemasaran dan latihan khusus seperti amalan perdagangan antarabangsa. Tiga peperiksaan di peringkat jabatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam turut diadakan bagi menilai tahap kemahiran pegawai MATRADE yang merangkumi pelbagai skim perkhidmatan.

Keupayaan memenuhi keperluan komuniti perniagaan Malaysia dan pelanggan antarabangsa juga bergantung kepada keupayaan tenaga kerja MATRADE dalam mengguna teknologi maklumat secara berkesan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa siri latihan ICT untuk kakitangan telah diadakan manakala buletin IT@Work telah diterbitkan untuk menggalakkan penggunaan sistem IT.

MATRADE melalui kerjasama dengan lain-lain Organisasi Promosi Perdagangan seperti *Taiwan External Trade Development Council*, *Korea Trade-Investment Promotion Agency* dan *Hong Kong Trade Development Council*, telah melaksanakan program penempatan sementara untuk pegawai-pegawainya. Seramai 18 pegawai telah mengikuti program ini pada tahun 2011.

Seramai empat pegawai telah menyertai program latihan anjuran organisasi antarabangsa seperti Sekretariat Komanwel, Agensi Pembangunan Kerjasama Antarabangsa Sweden, *Asia Pacific Economic Cooperation* (APEC) dan program latihan bersama antara Jabatan Perkhidmatan Awam & *Japan International Cooperation Agency* (JICA), Unit Perancangan Ekonomi serta Colombo Plan & *Korea International Corporation Agency* (KOICA) .

MATRADE's staff strength in 2011 stood at 632 including 121 locally recruited staff based in its 43 overseas offices.

To achieve its aim in positioning MATRADE as a credible and client-centric trade promotion organisation, MATRADE conducted a series of training and human resource development programmes in 2011 to increase professionalism in its human resource. The programmes focussed on improving skills and knowledge in the areas of leadership, management, language skills, financial management, marketing and job specific trainings such as international trade practices. Three department and Public Services Department examinations to assess MATRADE officials' competencies covering various services schemes were also held.

The ability of meeting the needs of Malaysian business community and international clients also hinges on the ability of its human resource to use Information Technology effectively. With this in mind, MATRADE conducted a series of ICT training for its staff and published IT@Work newsletter which served as a good medium in promoting the adoption of IT system.

MATRADE through its collaboration with other Trade Promotion Organisations such as Taiwan External Trade Development Council, Korea Trade Investment Promotion Agency and Hong Kong Trade Development Council conducted attachment programmes for its officers. A total of 18 officers had completed their attachment programme in 2011.

Four other officers participated in training programmes organised by international organisations such as Commonwealth Secretariat, Swedish International Development Cooperation Agency, Asia Pacific Economic Cooperation (APEC) and the joint training programme between Public Services Department and Japan International Cooperation Agency (JICA), The Economic Planning Unit & Colombo Plan & Korea International Corporation Agency (KOICA).



Eksekutif MATRADE mengikuti kursus *Economic Partnership Programme for Junior Officers in the Field of Human Resource* di Osaka, Jepun pada 14 Jun - 9 Julai 2011
MATRADE executives attending *Economic Partnership Programme for Junior Officers in the Field of Human Resource* in Osaka, Japan from 14 June - 9 July 2011



Memperbudayakan penggunaan ICT dikalangan eksekutif MATRADE / ICT acculturation for MATRADE executives

Profil Warga Kerja MATRADE / Profile of MATRADE Staff







Sumbangan Kepada Pertumbuhan Eksport-
Fokus Strategik MATRADE 2011
Contribution to Export Growth -
MATRADE's Strategic Focus 2011

Sumbangan Kepada Pertumbuhan Eksport - Fokus Strategik MATRADE 2011

Contribution To Export Growth – MATRADE's Strategic Focus in 2011

Pasaran

Strategi promosi eksport MATRADE mengambil kira pelbagai faktor termasuk trend makroekonomi global dan domestik, Program Transformasi Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10 serta maklum balas daripada industri.


Untuk tahun 2011, aktiviti promosi eksport MATRADE telah dipergiatkan di pasaran yang sedang pesat membangun di Asia, khususnya China, India dan negara-negara Majlis Kerjasama Teluk. Peningkatan aktiviti anjuran MATRADE turut dilihat dalam pasaran baharu dan membangun seperti Afrika, Amerika Latin dan Asia Tengah serta di pasaran yang mempunyai peluang untuk berkembang seperti Myanmar, Kemboja dan Sri Lanka. Aktiviti promosi di rantau pasaran tradisional seperti Amerika Syarikat dan EU diperluaskan dengan menembusi segmen pasaran baharu serta mempertingkatkan visibiliti pasaran dan mengukuhkan kredibiliti produk dan perkhidmatan Malaysia.

Market

MATRADE's export promotion strategy took into account various factors including the global and domestic macroeconomic trends, the Economic Transformation Programme and the 10th Malaysia Plan, as well as feedback from the industry.


